

22 OCT 2002

Parlimen-Usul (Musa)

DEWAN RAKYAT TOLAK USUL PEMBANGKANG POTONG GAJI MENTERI PENDIDIKAN

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Usul pembangkang supaya gaji Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad dipotong RM10 berikutan perkembangan terakhir isu pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris, ditolak Dewan Rakyat setelah perbahasan hangat mengenainya berlangsung dengan penuh dramatik.

Timbalan Speaker Datuk Lim Si Cheng mengumumkan keputusan terhadap usul itu setelah mendengar lebih banyak suara yang menyatakan "tidak" daripada suara mereka yang "setuju" dengan usul itu.

Usul yang dikemukakan oleh Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi (PAS-Kuala Terengganu), yang disokong Datuk Kamaruddin Jaafar (BN-Tumpat) semalam itu hangat diperbahaskan oleh dua anggota penyokong kerajaan iaitu Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) dan Datuk Bung Mokhtar Radin (BN-Kinabatangan) serta dua anggota pembangkang Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) dan Mohd Amar Abdullah (PAS-Pengkalan Chepa).

Sesi aturan mesyuarat dan usul yang menyaksikan Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Datuk Mahadzir Mohd Khir hari ini, terpaksa ditangguhkan 10 minit bermula pukul 11.25 pagi apabila kekecohan timbul berikutan pertikaman lidah antara Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri Datuk Noh Omar dan Syed Azman.

Penangguhan selama 10 minit disebabkan kekecohan dalam dewan adalah yang pertama kali pada sesi ini.

Timbalan Speaker ketika itu Datuk Muhammad Abdullah mengambil keputusan menangguhkan persidangan apabila Noh bertegas tidak mahu menarik balik kenyataannya terhadap Syed Azman yang disifatkan sebagai "pengkhianat bangsa".

Noh, semasa meminta penjelasan daripada Mahadzir, telah membacakan satu latar belakang mengenai seorang anak Melayu yang melanjutkan pelajaran pada peringkat ijazah doktor falsafah atas tajaan Universiti Teknologi MARA (UiTM) di bawah Skim Latihan Tenaga Pengajar Muda pada tahun 1991.

Menurut Noh, "anak Melayu" itu sekembalinya ke tanah air pada 1995, bagaimanapun tidak berkhidmat dengan UiTM, sebuah institusi khusus untuk pelajar bumiputera. UiTM yang telah membelanjakan RM300,000 bagi pembiayaan pengajian itu telah menyaman anak Melayu sebanyak RM50,000, yang sehingga kini hanya membayar RM5,000.

Pada ketika ini, Syed Azman yang tidak berpuas hati bangun meminta Noh menamakan siapakah "anak Melayu itu", menyebabkan Noh berkata "siapa makan cili dia yang terasa pedas" dan meneruskan pertanyaannya bahawa adakah "anak Melayu" itu sebenarnya tidak tahu membalas budi, "pengkhianat bangsa" dan "harapkan pagar, pagar makan padi."

Noh turut berkata "anak Melayu" yang lari daripada komitmen untuk membantu bangsa Melayu lain itu "tidak lain tidak bukan ialah Yang Berhormat Kuala Terengganu."

Ini menyebabkan Syed Azman menggunakan Peraturan Mesyuarat 37.1 dan menyatakan itu adalah tuduhan Noh "kurang ajar" serta bersifat peribadi dan menyatakan perkara itu telah diselesaikan menerusi peguamnya dan peguam UiTM, malah beliau telah membayar peringkat demi peringkat seperti yang dipersetujui.

Pertikaman lidah antara Noh dan Syed Azman ditambah dengan anggota Parlimen lain daripada kedua-dua pihak membuat bising dan pekikan "pengkhianat bangsa" menyebabkan suasana dewan kecoh dan tegang.

Muhamad, yang mengalami suasana sukar untuk mengawal kedua-dua pihak,

dengan tegas meminta Noh dan Syed Azman duduk serta membuat keputusan supaya kedua-dua pihak menarik balik tuduhan masing-masing manakala siasatan sama ada sudah dibayar atau belum saman RM50,000 itu diadakan kemudian.

Syed Azman akur dengan Muhamad dan menarik balik perkataan "kurang ajar" tetapi Noh bertegas dengan pendiriannya, menyebabkan suasana kembali bising dan kecoh.

Kekecohan itu membuatkan Muhamad mengambil keputusan menangguhkan dewan selama 10 minit bagi menenangkan kedua-dua pihak.

Syed Azman ketika ditemui di luar dewan berkata kes mahkamah dan tuntutan saman itu diselesaikannya.

"Mereka (penyokong kerajaan) hanya mahu mengalihkan isu yang paling penting (pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris) dan menipu masyarakat umum," katanya.

Sesi yang bersidang semula kemudiannya juga nyaris kecoh apabila Noh hanya menarik balik kenyataannya yang berkaitan kes mahkamah terhadap Syed Azman tetapi bertegas bahawa "karakturnya" itulah "pengkhianat bangsa."

Muhamad, kali ini lebih tegas dan menyatakan bahawa keputusannya adalah muktamad dan akan menggunakan Peraturan Mesyuarat 43.1 dan 44 terhadap mana-mana anggota yang tidak patuh dengan arahnya. Peraturan Mesyuarat berkenaan membolehkan pengerusi mesyuarat menggantung mana-mana anggota yang engkar arahan.

Mahadzir yang menyambung penggulungannya berkata beliau bersetuju dengan Noh bahawa karakter "anak Melayu" itu memanglah seorang pengkhianat dan "harapkan pagar, pagar makan padi."

Katanya dasar yang digubal kerajaan adalah dengan wawasan untuk masa depan negara dan anak bangsa dalam menghadapi dunia abad ke-21 yang penuh dengan cabaran dan ancaman baru.

"Dalam menggubal dasar kerajaan, Barisan Nasional (BN) sentiasa mendengar nasihat dan pandangan daripada semua pihak, mendengar pakar daripada dalam dan luar negara, pendapat rakyat berbilang kaum, keperluan negara dan cabaran yang dihadapi. Semua diambil kira," katanya.

Mahadzir berkata kerajaan mempraktikkan kesederhanaan dan toleransi serta mengamalkan doktrin "Cabinet Responsibility" di mana Kabinet dan kerajaan secara kolektif akhirnya bertanggungjawab ke atas sesuatu dasar yang dilaksanakan.

Beliau berkata seorang menteri hanya mengimplementasi, mentadbir dan mengurus bagi pihak kementerian masing-masing dan menegaskan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melantik Musa berikutan rekodnya sebagai bekas pelajar cemerlang bidang Sains Farmasi, sebagai pentadbir, dekan dan Naib Canselor.

"Inilah julung kali Kementerian Pendidikan, satu portfolio yang amat sensitif di negara ini, diketuai oleh seorang bekas Naib Canselor Universiti yang dilantik menjadi ahli Dewan Negara," katanya.

Mahadzir berkata tuduhan Syed Azman bahawa Menteri Pendidikan pengkhianat bangsa, "kayu mati", burung kakak tua, pak sanggup dan pak turut serta "harapkan pagar, pagar makan padi" dalam usulnya terlalu emosional dan diselubungi perasaan takut.

Beliau turut mengulangi pendirian kerajaan bahawa pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris adalah sebagai alat untuk memperolehi ilmu dan sama sekali tidak berniat merendahkan martabat bahasa Melayu.

Mengenai pendirian MCA yang dilaporkan membantah pelaksanaan cadangan mengajar kedua-dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina mulai tahun hadapan, Mahadzir berkata: "Kita (BN) ada cara untuk menyelesaikannya."

Mahadzir turut mengingatkan Syed Azman bahawa tuduhannya yang "Umno akan dilaknati oleh generasi akan datang berikutan dasar itu" sebenarnya

akan berubah kepada "Allah akan melaknat kita kalau kita tidak menyediakan generasi untuk mendapat ilmu."

-- BERNAMA

HS HS ROS